

*Wasat* adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarluaskan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke [wasat@pergas.org.sg](mailto:wasat@pergas.org.sg)

**Barisan Penyunting:** Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi  
**Grafik / halaman web / pembantu teknikal:** Remy Mahzam, Ustazah Nurhafizah Azman

**Edisi (Edition) no. 29 / Oktober 2019**

## Kandungan

- Dari meja penyunting... (mukasurat 2)
- Melibatkan Golongan Bukan Muslim Dalam Amalan Wakaf Demi Pembangunan Negara, Menurut Perspektif Syariah, oleh Ustaz Dr. Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al-Jafari (mukasurat 3)
- Islam dan Fahaman Pluralisme: Ke Arah Sikap Yang Lebih Seimbang Dalam Islam, oleh Ustaz Mohd Jakfar bin Hj Embek (mukasurat 11)
- Penggunaan Akal Dalam Memahami Teks Agama: Satu Perspektif Wasati, oleh Ustaz Muhammad Syafiee Bin Hassan (mukasurat 15)

*Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam bentuk apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.*

*Segala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.*

## CONNECT WITH US

**FACEBOOK FEED**



Singapore Islamic Sch...  
13,004 likes

Liked Share

You and 257 other friends like this

**INSTAGRAM FEED**



**FOLLOW US**

	<a href="http://www.facebook.com/Pergas.Singapore">www.facebook.com/Pergas.Singapore</a>
	<a href="http://www.twitter.com/pergas_spore">www.twitter.com/pergas_spore</a>
	<a href="http://www.youtube.com/PergasSingapura">www.youtube.com/PergasSingapura</a>
	<a href="http://instagram.com/Pergassingapura">instagram.com/Pergassingapura</a>

<https://blog.pergas.org.sg/wasat/>

### Dari meja penyunting....


Selamat bertemu kembali di Wasat, no. 29/Okttober 2019.

Diucapkan juga kepada sekalian pembaca, "Selamat Tahun Baru Hijrah 1441". Moga tahun baru hijrah ini membawa lebih keberkatan dan kesejahteraan.

Kepada para pembaca yang selamat pulang dari menunaikan ibadah haji pula didoakan agar dikurniakan haji yang mabruar, Amin.

Wasat kali ini menyampaikan tiga artikel buat tatapan para pembaca dengan harapan ia akan terus dapat menambah ilmu dan mendorong minda untuk berfikir dan merenung kehidupan agama, diri, keluarga dan masyarakat.

Artikel pertama bertajuk **Melibatkan Golongan Bukan Muslim Dalam Amalan Wakaf Demi Pembangunan Negara, Menurut Perspektif Syariah**, oleh Ustaz Dr. Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al-Jafari. Ia membicarkan persoalan hukum golongan bukan Muslim melakukan wakaf bagi umat Islam. Ia adalah satu idea yang tidak diketahui ramai, walau pun ulama silam telah pun membincangkannya di dalam kitab-kitab mereka. Perbincangan ini diharap dapat menambah ilmu para pembaca. Di samping itu penulis berharap ia dapat mencetus perubahan dalam undang-undang bagi meluaskan skop wakaf kepada bukan Muslim supaya bermanfaat kepada masyarakat Muslim dan amalan wakaf dapat digandakan.




Artikel kedua pula **Islam dan Fahaman Pluralisme: Ke Arah Sikap Yang Lebih Seimbang Dalam Islam**, oleh Ustaz Mohd Jakfar bin Hj. Embek. Artikel ini berhujah bahawa fahaman pluralisme tidak semestinya menyalahi Islam, jika dimaknakan dengan erti sikap akur dan keinginan untuk hidup secara aman dengan kepelbagaiannya dalam agama. Bagi menyokong sikap ini, penulis menunjukkan kewujudan perbezaan pendapat di kalangan cendekiawan Muslim tentang erti pluralisme dan penggunaan oleh mereka yang tidak semestinya menjurus pada perakuan bahawa semua agama

adalah sama dan setara.

Akhir sekali ialah artikel yang bertajuk **Penggunaan Akal Dalam Memahami Teks Agama: Satu Perspektif Wasati**, oleh Ustaz Muhammad Syafiee Bin Hassan. Artikel ini cuba membahaskan sikap yang seimbang dalam menggunakan akal bagi memahami, mentafsir dan mengamalkan nas dari Al-Quran dan Sunnah. Dengan menggunakan contoh hadis mengenai lalat yang jatuh ke dalam minuman dan dapatan sains bahawa lalat adalah binatang yang membawa kuman yang boleh membahayakan kesihatan manusia, penulis menunjukkan aplikasi bagi fahaman yang dikemukakan dalam artikel ini.

Selamat membaca.. Bacalah dengan nama Tuhanmu.





## Melibatkan Golongan Bukan Muslim Dalam Amalan Wakaf Demi Pembangunan Negara, Menurut Perspektif Syariah<sup>1</sup>

Oleh Ustaz Dr. Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al-Jafari

### Pendahuluan

Wakaf adalah satu instrumen kewangan Islam yang dapat menjana dan membangun sesebuah negara dari sudut ekonomi, kemasyarakatan dan keagamaan. Pembangunan ini menjadi lebih rancak apabila ramai dari kalangan masyarakat Islam melaksanakan wakaf.

Diriwayatkan bahwa tidak ada seorang sahabat Nabi s.a.w yang meninggalkan dunia ini kecuali mereka telah melaksanakan amalan berwakaf. Inilah antara faktor yang menjadikan Madinah yang dahulunya tiada bertempat dalam peta dunia menjadi kuasa besar yang disegani dalam hanya beberapa tahun sahaja.

Dalam usaha menarik lebih ramai orang untuk tampil berwakaf, artikel ini meninjau sejauh manakah golongan bukan Muslim boleh terlibat sama dalam amalan berwakaf demi pembangunan negara. Terdapat beberapa persoalan yang perlu dirungkai dalam permasalahan ini seperti hukum pemberian golongan bukan Muslim, pemberian dari hasil haram, hukum wakaf golongan bukan Muslim itu sendiri dan hukum meminta pertolongan dari bukan Muslim.

### Hukum pemberian golongan bukan Muslim

Wakaf adalah cabang dari masalah pemberian dan hadiah. Oleh yang demikian sebelum dibincangkan mengenai wakaf golongan bukan Muslim, perlu melihat perbincangan para ulama dalam masalah pemberian mereka, sama ada boleh diterima oleh orang Islam.

Para ulama telah berselisih mengenai keharusan menerima pemberian golongan bukan Muslim kepada tiga pendapat.<sup>2</sup>

#### Pendapat pertama

Pendapat ini mengharuskan Muslim menerima hadiah dari golongan bukan Muslim sama ada

mereka itu Ahli Kitab atau musyrik. Pendapat ini berpegang kepada beberapa hujah yang antaranya, ialah Nabi s.a.w menerima hadiah dan pemberian dari raja-raja bukan Muslim seperti menerima pemberian raja Ailah<sup>3</sup>, Bahnah bin Rubah berupa seekor baghal berwarna putih dan pakaian, hadiah dari penguasa Dawmah seorang Nasrani<sup>4</sup> dan penguasa Fadak berupa pakaian dan makanan,<sup>5</sup> dihadiahkan sebanyak tiga puluh tiga ekor unta yang sarat dengan perhiasan dan pakaian dari raja Zi Yazin<sup>6</sup>, seekor himar, dua orang hamba wanita dan dua puluh helai pakaian yang sangat lembut dari Raja Muqawqis<sup>7</sup> dan dari hadiah Kisra Parsi dan Kaisar Rum.<sup>8</sup>

#### Pendapat kedua

Pendapat ini melarang Muslim menerima pemberian golongan bukan Muslim. Pendapat ini percaya bahawa setiap hadis dan riwayat yang menunjukkan Nabi s.a.w menerima hadiah dan pemberian golongan bukan Muslim telah dimansuhkan. Antara dalil bagi pendapat kedua ini ialah riwayat dari Saidina Iyadh bahawa seorang lelaki menghadiahkan kepada Nabi s.a.w seekor unta lalu Nabi bertanya kepadanya, "Apakah kamu telah memeluk Islam? Lelaki itu menjawab, "Belum." Nabi s.a.w lantas bersabda, "Aku dilarang menerima hadiah dari seorang musyrik."<sup>9</sup>

Al-Baihaqi berpendapat hadis ini mungkin disabdarkan oleh Baginda s.a.w setelah menerima hadiah dari golongan bukan Muslim kemudian melarangnya.<sup>10</sup>

Pendapat ini disanggah dengan takwilan bahawa Baginda s.a.w ingin menghilangkan rasa cenderung kepada orang bukan Muslim kerana hadiah yang diberikannya. Dakwaan bahawa hadis yang melarang menerima pemberian golongan bukan Muslim telah memansuhkan hadis yang menunjukkan keharusannya juga tidak dapat diterima kerana adanya kemungkinan penolakan hadiah dari mereka kerana sebab yang disebutkan di atas.<sup>11</sup>

#### Pendapat ketiga

Pendapat ketiga pula mengharuskan Muslim menerima hadiah Ahli Kitab tetapi dilarang menerima hadiah golongan musyrik. Pendapat ini berpegang dengan zahir hadis Iyadh yang hanya

membataskan larangan kepada golongan muysrik sahaja.

Pendapat ini disanggah dengan terdapatnya beberapa riwayat yang menunjukkan keharusan menerima pemberian musyrik seperti:

Abdullah bin Zubair meriwayatkan bahawa Qatilah bte Abdul Uzza menziarahi anaknya Asma bte Abu Bakar Al-Siddiq r.a sedangkan beliau masih seorang musyrik dengan membawa hadiah berupa makanan. Asma enggan menerimanya dan tidak mengizinkan ibunya memasuki rumahnya. Saidatina Aisyah r.a bertanya kepada Nabi s.a.w mengenai hal ini lalu Allah menurunkan firmanNya di dalam surah Al-Mumtahanah, ayat 8, "Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negeri kamu, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang



yang berlaku adil". Nabi s.a.w lalu menyuruh Asma menerima hadiah ibunya dan mengizinkannya masuk ke dalam rumah.<sup>12</sup>

Nabi s.a.w pernah bertanya kepada seorang lelaki musyrik yang sedang membawa kambingnya, "Apakah ia (kambing ini) sebagai hadiah atau jualan? Lelaki itu menjawab: "Ia sebagai jualan".<sup>13</sup>

Jika pemberian daripada musyrik dilarang, sudah tentu Baginda tidak akan bertanya apakah kambing yang di bawanya sebagai hadiah atau bukan.

Dari perbahasan dan perbandingan dalil dari setiap pendapat di atas, penulis mendapat bahawa pendapat pertama lebih layak diamalkan kerana hadis yang mengharuskan Muslim menerima hadiah dari golongan bukan Muslim sama ada dia seorang Ahli Kitab atau musyrik adalah lebih banyak.

Imam Al-Bukhari r.a meletakkan sebuah tajuk dalam kitab Sahihnya *Keharusan Menerima Hadiah Dari Musyrik*.

Selain itu maslahat kehidupan juga memerlukan penerimaan hadiah dari golongan bukan Muslim agar keharmonian di antara kaum terjaga dan saling mempercayai satu sama lain.

Jika pentarjhan ini memerlukan kepada *naskh*, maka menjadikan hadis yang mengharuskan sebagai *nasikh* adalah lebih baik daripada menjadikannya sebagai *Mansukh* kerana hadis yang menunjukkan Nabi s.a.w menerima hadiah dari seorang musyrik itu berlaku dalam perjalanan peperangan Tabuk, manakala iyadah telah memeluk Islam sebelum peristiwa Tabuk.<sup>14</sup>

Dengan ini mazhab fuqaha secara umumnya tidak mensyaratkan dalam hukum hibah, pemberi itu seorang Muslim. Sehingga beberapa ulama menggunakan penerimaan Nabi s.a.w hadiah dari Muqawqis sebagai dalil pensyariatan hibah.<sup>15</sup>

### Pemberian dari pendapat yang haram

Pemberian dari seorang bukan Muslim menimbulkan pelbagai persoalan hukum, di antaranya mengenai status harta golongan bukan Muslim kerana hasil mereka terkadang berpunca dari sumber yang haram seperti riba dan seumpamanya. Sebelum ditinjau status sedekah dari hasil pendapatan mereka, penulis akan membincangkan terlebih dahulu pandangan syarak dalam bersedekah dari harta yang haram.

### Pemberian menggunakan harta haram

Allah taala menyuruh hambaNya untuk bersedekah dari harta yang halal sahaja dalam firmanNya, "Wahai orang-orang yang beriman nafkahkanlah sebahagian dari hasil kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu memilih-milih yang buruk kemudian kamu nafkahkan darinya . . ." (Al-Baqarah: 267)

Makna "tayyiba" dalam ayat ini adalah "yang halal".<sup>16</sup> Nabi s.a.w juga bersabda, "Sesungguhnya Allah taala itu baik dan tidak menerima kecuali dari yang baik sahaja".<sup>17</sup>

Menafkahkan dari yang halal adalah dari kaedah umum syariat Islam dan asas yang terbina di atasnya hukum syarak. Kecuali jika seorang Muslim itu memiliki harta dari sumber yang haram lalu beliau ingin bertaubat dan melepaskan dirinya dari harta haram itu maka hendaklah dikembalikan kepada pemilik harta tersebut jika ada seperti harta yang dirampas. Namun jika tidak ada atau tidak diketahui siapakah yang berhak ke atas harta tersebut maka hendaklah diuruskan harta itu untuk maslahat kaum muslimin.<sup>18</sup>

#### *Pendapat golongan bukan Muslim*

Hukum yang disebutkan di atas adalah untuk orang Islam yang hendak bertaubat, bagi golongan bukan Muslim pula hendaklah dilihat dahulu, apakah harta itu haram zatnya atau sifatnya (perolehannya).

Harta yang haram zatnya adalah seperti arak dan seumpamanya. Harta jenis ini haram dimanfaatkan sama sekali walaupun dengan menjualnya.

Imam Muslim meriwayatkan bahawa seorang lelaki menghadiahkan kepada Nabi s.a.w arak. Baginda bertanya kepadanya, "Apakah kamu mengetahui Allah taala telah mengharamkannya? Beliau menjawab, "Tidak". Lalu datang seorang lelaki dan berbisik kepada lelaki yang membawa arak tersebut. Nabi s.a.w menyatakan lelaki yang berbisik itu apakah yang dibisikkannya. Lelaki itu menjawab, "Aku menyuruh dia menjual araknya" Nabi s.a.w bersabda, "Sesungguhnya yang mengharamkan meminumnya mengharamkan juga menjualnya". Lelaki yang membawa hadiah langsung mencurahkan araknya ke bumi.<sup>19</sup> Dalam sebuah riwayat lain Nabi bersabda, "Jika Allah taala mengharamkan memakan sesuatu, Allah juga mengharamkan menjualnya."<sup>20</sup>

Harta yang diperolehi dengan cara mencuri dan merampas juga tergolong dalam harta yang diharamkan kerana zatnya. Harta-harta seperti ini tidak boleh digunakan atau diterima sebagai pemberian. Ia harus dipulangkan kepada pemilik asalnya. Disebabkan itu disyaratkan dalam pemberian, hendaklah harta itu dimiliki oleh pemberi.

Saidina Mughirah meriwayatkan bahawa beliau pernah pergi bersama satu kaum lalu membunuh mereka dan mengambil harta mereka. Ketika beliau memeluk Islam harta itu hendak diserahkan kepada Nabi s.a.w sebagai hadiah, Baginda lantas bersabda, "Aku menerima Islamnya kamu, adapun harta tersebut maka tidak."<sup>21</sup>

Keharusan menerima harta-harta seperti ini pula akan menjadi jalan untuk melepaskan diri dari hukuman curi dan seumpamanya di samping. Ia

juga dianggap memberi pertolongan kepada perbuatan munkar dan maksiat.

Jika terdapat keuzuran untuk memulangkan harta ini kepada pemilik asalnya, harta itu hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa untuk dibelanjakan bagi maslahat umum.


Ibn Taymiyah berkata, "Jika terdapat keuzuran untuk memulangkan harta yang diambil secara zalim seperti kebanyakan harta yang diambil oleh pemerintah, ia hendaklah dibelanjakan pada maslahat kaum Muslimin yang akan menolong dalam pekerja kebaikan dan ketakwaan."<sup>22</sup>

Ibn Taymiyah mengkhususkan maslahat itu hanya kepada orang Islam mengikut konteks zamannya yang mana terdapat negara Islam dan negara Harbi. Sedangkan dalam konteks kehidupan masyarakat hari ini, maslahat untuk kaum muslimin dikira juga sebagai maslahat bagi selain mereka seperti jalan raya, hospital, peralatan keselamatan dan sebagainya di mana-mana negara.

#### *Harta yang tidak diketahui sumbernya atau yang bercampur dengan yang haram*

Harta yang tidak diketahui sumbernya harus diterima sebagai pemberian.<sup>23</sup> Demikian juga halnya dengan harta yang bercampur dengan yang haram berdasarkan dalil-dalil berikut;

1. Nabi s.a.w menerima hadiah dari Kaisar, Kisra dan beberapa raja dan penguasa lainnya sedangkan mereka terkenal dengan kezaliman dan merampas harta orang lain. Nabi s.a.w menerimanya walau pun harta mereka dianggap sebagai harta yang bercampur antara hasil halal dan haram.



2. Nabi s.a.w dan para sahabat berjual beli dengan penduduk Mekah sebelum hijrah. Sesudah hijrah pula, mereka mengadakan urusan kewangan bersama kaum Yahudi, walaupun terdapat pada amalan urus niaga mereka unsur-unsur yang berlawanan dengan ajaran Islam seperti mengambil riba dan bentuk-bentuk kontrak yang tidak adil dan menipu. Tidak diketahui bahawa Nabi s.a.w pernah melarang sahabat berurus dengan golongan seperti ini sedangkan harta mereka bercampur antara hasil perniagaan yang halal dan haram.
3. Ibn Masud pernah ditanya oleh seorang lelaki bahawa jirannya mengambil riba dan pada masa yang sama sering menjemput beliau untuk makan bersama. Ibn Masud menjawab,



"Makanlah kamu dan dosanya ditanggung oleh beliau sahaja. Berkata Sufyan At Tsauri, "Jika kamu tahu zatnya dari yang haram maka janganlah mengambilnya."<sup>24</sup>

4. Sifat seseorang sebagai bukan Muslim tidak bermakna adanya harta yang haram secara pasti. Kesamaran tentang kewujudan perkara haram tidak mestikan harta itu dihukum haram. Kerana itu tidak ada sesiapa yang mengatakan, jika dia seorang yang bukan Muslim maka hartanya sudah tentunya haram.
5. Halal atau haram status harta golongan bukan Muslim mengikut kepercayaan agamanya. Harta yang mereka perolehi dari jualan arak sebagai contoh adalah halal di sisi mereka kerana menjual arak di sisi agama mereka tidak salah. Oleh yang demikian, sedekah seorang bukan Muslim dari hasil jualan arak

dikira sebagai sedekah yang harus diterima oleh Muslim.<sup>25</sup>

Diriwayatkan bahawa Saidina Umar mengambil cukai dari arak dengan menyuruh orang bukan Muslim menjual dahulu arak tersebut lalu diambil cukai dari hasilnya.<sup>26</sup> Hammad pula meriwayatkan dari Ibrahim Al-Nakha'i supaya diambil 10% dari harga araknya kafir zimmi.<sup>27</sup> Ibn Taymiyah berkata, "Jika seorang bukan Muslim berurus niaga dengan pengurusan yang dia anggap harus, seorang Muslim boleh menerima hartanya walau dia menganggapnya haram."<sup>28</sup>

### **Wakaf golongan bukan Muslim**

Jika diteliti definisi yang diberikan oleh para fuqaha, tiada terkandung padanya syarat Islam pada diri orang yang melakukan wakaf (pewakaf) atau makna yang menghadkan wakaf hanya boleh dilakukan oleh Muslim.

Namun, para fuqaha telah berselisih pendapat terhadap keharusan golongan bukan Muslim melaksanakan wakaf.

#### *Pendapat mazhab Hanafi<sup>29</sup>*

Disyaratkan dalam wakaf orang bukan Muslim hendaklah pekara yang diwakafkan itu dianggap sebagai satu kebaikan dalam kepercayaan mereka dan dalam kepercayaan orang Islam. Seperti mewakafkan sesuatu untuk fakir miskin, anak yatim, orang yang dibebani hutang dan sebagainya. Kesemua ini adalah amal kebaikan yang diakui dalam agama bukan Islam dan Islam. Mereka juga mensyaratkan pewakaf itu mestilah menganut sesebuah agama. Oleh yang demikian tidak sah mereka mewakafkan Al-Quran jika ia bukan dianggap sebagai kebaikan dalam kepercayaan mereka. Begitu juga tidak sah mereka mewakafkan gereja kerana pembinaan gereja walaupun satu kebaikan dalam pandangan mereka tetapi bukan dalam agama Islam. Demikian pula tidak sah wakaf dari seorang yang tidak beragama.

#### *Pendapat mazhab Maliki<sup>30</sup>*

Wakaf golongan bukan Muslim adalah tidak sah jika kebaikan yang diwakafkan bersifat keagamaan tetapi sah jika ia bersifat dunawi. Sebagai contoh tidak sah wakaf dari mereka untuk masjid, pengajian agama dan lain-lain. Namun dibenarkan, jika mereka mewakafkan taman, jalan raya, perigi

dan seumpamanya yang mempunyai maslahat keduniaan.

#### *Pendapat mazhab Al-Syafi'i dan Hanbali<sup>31</sup>*

Bagi menjadikan wakaf golongan bukan Muslim sah, pendapat ini mensyaratkan pekerjaan yang diwakafkan itu dikira diakui sebagai kebaikan dalam agama Islam atau sekurang-kurangnya perkara itu dibenarkan dalam Islam, tanpa mengambil kira pandangan agama orang bukan Muslim tersebut. Oleh itu, pendapat ini membenarkan seorang Nasrani mewakafkan tanahnya untuk masjid dan tidak sah pula jika ia diwakafkan untuk gereja.

#### *Pendapat pilihan*

Wakaf termasuk salah satu dari cabang pemberian. Di mana pemberian itu terbahagi kepada pemberian semasa seseorang itu hidup dan pemberian yang terlaksana setelah kematianya yang dikenali dengan wasiat.

Pemberian di kala hidup pula terbahagi kepada tiga cabang iaitu sedekah, hibah dan wakaf.<sup>32</sup> Sebagaimana penulis telah memilih pendapat yang membenarkan Muslim menerima pemberian golongan bukan Muslim, penulis juga berpendapat wakafnya adalah sah. Tambahan pula, para fuqaha tidak meletakkan niat sebagai syarat sahnya wakaf yang mana ia tidak boleh dilakukan oleh golongan bukan Muslim tetapi hanya memadai dengan lafaz kerana wakaf dari bahagian pemberian dan bukannya ibadah semata-mata yang memerlukan niat.<sup>33</sup>

Membenarkan golongan bukan Muslim melaksanakan wakaf tidak seharusnya bersifat mutlak demi menjaga kemaslahatan agama Islam, keadilan dan keharmonian di antara agama. Oleh itu pendapat mazhab Hanafi lebih terpilih bagi menepati tujuan ini. Jika mereka hanya dibenarkan untuk melakukan wakaf dalam pekerjaan yang hanya dilihat sebagai kebaikan dalam agama Islam, mereka akan menganggapnya sebagai tidak adil dan ia akan menjelaskan hubungan antara kaum dalam masyarakat majmuk.

Namun, jika mereka dibenarkan untuk melakukan wakaf dalam hal-hal keagamaan dan kepercayaan mereka seperti mencetak kitab ajaran agama mereka, ia boleh menjelaskan atau mengancam maslahat akidah umat Islam. Lebih-lebih lagi, mereka menggunakan instrumen yang dikenalkan agama Islam.

Adalah terlebih baik dibataskan wakaf dari golongan bukan Muslim hanya pada apa yang diakui sebagai kebaikan dalam agama Islam serta agama mereka agar dapat bersepakat dalam menyumbang kepada

pembangunan negara, masyarakat dan mencapai maslahat bersama.

#### **Meminta pertolongan dari golongan bukan Muslim**

Meminta golongan bukan Muslim melaksanakan wakaf bagi tujuan pembangunan masyarakat Islam atau negara memiliki ciri-ciri meminta bantuan dari mereka, sama ada secara langsung ataupun tidak. Para fuqaha juga telah berbeza pendapat dalam hukum meminta bantuan dari golongan bukan Muslim.

#### *Pendapat pertama*

Umat Islam  
dilarang  
meminta  
bantuan dari  
golongan  
bukan Muslim  
kecuali dalam  
pekerjaan yang  
tidak  
merendahkan  
kemuliaan  
umat Islam.<sup>34</sup>  
Hujah  
pendapat ini,  
ialah:

1. Firman Allah taala,



“Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin, barang siapa berbuat demikian maka lepaslah dia dari pertolongan Allah kecuali memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka, dan Allah memperingatkan kamu terhadap DiriNya (azabNya) dan hanya kepada Allah kamu akan kembali”. (Al-Imran: 28)

Imam Al-Alusi berkata bahawa yang dimaksudkan dengan “wali” adalah segala jenis pertolongan kerana ayat itu bersifat umum. Dirwayatkan bahawa ayat ini diturunkan bersebab Saidina Ubadah bin Shamith hendak keluar berjihad dengan pertolongan lima ratus orang Yahudi dalam peperangan Ahzab, lalu Allah Taala menurunkan ayat ini.<sup>35</sup>

2. Golongan bukan Muslim akan berusaha untuk menyusahkan masyarakat Islam dan merosakkan urusan dunia dan akhirat mereka seperti dalam firman Allah taala,

"Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu ambil luar dari kalangan kamu sebagai teman kepercayaan kamu, kerana mereka tidak henti-henti (menimbulkan) kemudharatan bagi kamu, mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu, telah nyata kebencian dari mulut mereka dan apa yang

5. Saidina Umar bin Al-Khattab pernah memarahi Abu Musa Al-Ash`ari kerana melantik seorang Kristian sebagai tukang tulisnya dengan berkata, "Janganlah kamu memuliakan mereka, sedangkan Allah telah menghinakan mereka. Jangan pula kamu mendekatkan mereka (kepada diri mu), sedangkan Allah telah menjauhkan mereka (dari diriNya). Jangan kamu mempercayai mereka, ketika Allah telah menyifatkan mereka dengan pengkhianatan."<sup>40</sup>



disembunyikan hati mereka lebih besar lagi, sungguh telah Kami terangkan kepada kamu ayat-ayat Kami jika kamu memahaminya" (Al-Imran: 118).

Ibn Jauzi berkata ayat ini menunjukkan tidak boleh mengambil golongan bukan Muslim sebagai penolong dalam urusan yang melibatkan masyarakat Islam.<sup>36</sup>

3. Nabi s.a.w bersabda ketika datang seorang lelaki kafir yang terkenal dengan kekuatannya untuk menolong Baginda dalam peperangan Badar, "Pulanglah kerana sesekali tidak akan aku minta pertolongan dari seorang musyrik."<sup>37</sup>

Hadis ini dengan jelas menunjukkan tidak boleh meminta pertolongan kepada golongan bukan Muslim dalam jihad. Hukum ini diqiyaskan dengan urusan masyarakat Islam yang lain.

4. Saidina Anas meriwayatkan Nabi s.a.w bersabda, "Janganlah kamu mengambil cahaya dari apinya musyrikin."<sup>38</sup>

Imam Baihaqi mensyarahkan makna "api musyrikin" dengan meminta pandangan mereka dalam sesuatu urusan.<sup>39</sup>

Riwayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa mengambil bantuan dari golongan bukan Muslim adalah dilarang kerana seseorang tidak layak menerima teguran sekeras ini kecuali apabila dia melanggar larangan syarak.

#### Pendapat kedua

Harus meminta dan mengambil bantuan dari golongan bukan Muslim dengan syarat-syarat tertentu.<sup>41</sup> Pendapat ini dikuatkan dengan dalil berikut:

1. Nabi s.a.w pernah meminjam beberapa baju besi dari Safwan bin Umayyah sebelum dia memeluk Islam dalam peperangan Hunain.<sup>42</sup> Baginda juga pernah meminta bantuan dari Yahudi Bani Nadhir dalam peperangan Uhud dan juga segolongan Yahudi dalam peperangan Khaibar dan memberikan mereka bahagian dari harta rampasan.<sup>43</sup>
2. Nabi s.a.w mengupah Abdullah bin Uraykit sebagai penunjuk jalan dalam peristiwa hijrah sedangkan beliau seorang musyrik dan tidak diketahui apakah beliau memeluk Islam setelah itu.<sup>44</sup>

Namun, pendapat yang mengharuskan meminta bantuan dari golongan bukan Muslim tidak mengharuskan secara mutlak bahkan ia dibatasi dengan beberapa syarat, iaitu;

1. Hendaklah golongan bukan Muslim yang diminta bantuan darinya atau yang bekerjasama dengan orang-orang Islam adalah seorang yang amanah dan jujur nasihatnya.<sup>45</sup>
2. Tidak boleh orang bukan Muslim itu membuat keputusan secara bersendirian tanpa diteliti

dahulu oleh Muslim.

3. Hendaklah hukum Islam itu terjaga dan tidak tergadai dengan mengambil pertolongan dari mereka.
  4. Hasil dari pertolongan yang dihulurkan itu hendaklah memanfaatkan Muslim atau sekurang-kurangnya tidak memudarati mereka.<sup>46</sup> Firman Allah Taala, "Orang-orang yang mengambil orang kafir menjadi teman penolong dengan meninggalkan orang-orang mukmin, apakah mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kekuatan adalah kepunyaan Allah" (Al-Nisa:139)

Ayat ini menunjukkan jika mana pertolongan orang-orang kafir itu akan menjadikan agama Islam lemah dan hina maka ia dilarang kerana tiada faedah dari pertolongan tersebut. Tujuan mengambil pertolongan dari bukan Muslim adalah untuk menguatkan agama Islam dan pengikutnya.

5. Hendaklah bagi Muslim kekuatan yang dapat mengatasi pengkhianatan mereka jika mereka berkhianat. Kekuatan itu boleh berupa kekuatan kewangan atau perundungan dan sebagainya.<sup>47</sup>

### *Pendapat pilihan*

Penulis memilih pendapat kedua yang mengharuskan minta pertolongan dari golongan bukan Muslim dalam membina dan memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi umat Islam secara khusus dan membangun negara secara umum.

Keharusan ini perlu dibatasi dengan syarat yang telah disebutkan bagi melindungi kepentingan agama Islam dan umatnya dari apa jua kemudaratian.

Adapun ayat yang melarang menjadikan orang-orang bukan Muslim sebagai penolong diturunkan apabila ada sekumpulan kaum Ansar meminta tolong dari beberapa Yahudi. Yahudi tersebut mempunyai matlamat untuk merosakkan agama kaum Ansar yang meminta pertolongan mereka. Sebahagian orang-orang Islam melarang kaum Ansar tersebut dari bekerjasama dengan golongan Yahudi itu tetapi mereka enggan menerima nasihat. Lalu Allah taala menurunkan ayat itu.

Dengan keharusan seorang Muslim meminta bantuan dari golongan bukan Muslim, bolehlah juga diminta dari mereka berwakaf untuk pembangunan masyarakat dan negara dengan syarat-syarat yang telah digariskan di atas.

# Wakaf Kunci Kesejahteraan Masyarakat Islam

*"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebaikan (yang sempurna) sebelum kamu membebaskan sebagian dirimu yang bersama-sama dengan kamu. Dan apa sajalah yang kamu riliskan, maka segeraklahnya Allah akan mengelakinya."*

- Surah Al Imran, Ayat 82.





Masjid Sultan Syarif Kasim



Masjid Pengantin



Masjid Istiqlal



Masjid Sultan Abdul Samad



Masjid Negeri Selangor



Masjid Jamek

**D**alam sejarah, matlamat wakaf telah wujud sejak dari abad pertama. instansi ini masih berada di bawah bayangan kerajaan Islam dan berfungsi sebagai benteng pertahanan bagi negara-negara Islam. Matlamat wakaf berasal yang berfungsi melindungi seseorang kesekutuan Islam dari wasilah pengrusak dan terorisme. Terdapat 99 wakaf yang dilaunchkan.

**Apakah itu Wakaf?**

Wakaf adalah perbuatan dalam seseorang wakaf yang setiap hari ia untuk membina bangunan atau mendekati kemanusiaan. Matlamat wakaf ini merupakan bentuk kebaikan.

**Wakaf dan Masyarakat Islam**

Pentingnya canda tawa memberi perbaikan dalam penciptaan berkembang dan berkualitas dan bukan dipisahkan dari memberi pengaruh pada pembentukan bangsa. Dengan demikian, tumpuan pentingnya wakaf ini adalah untuk meningkatkan lingkungan hidup agar manusia dapat hidup dengan nyaman.

**Menariknya Wakaf**

Giatnya matlamat wakaf selain related atau tidak juga meningkatnya jumlah dan bentuknya. Selain itu, wakaf juga berperan dalam bentangan prinsip-prinsip agama dan saran yang hasilnya baik. Dari yang dulu dituliskan dalam ayat-ayat suci al-Qur'an, di antaranya dalam surah Al-Baqarah ayat 107:

- Perbaikan dan pembangunan yang dilakukan
- Kelembutan dan kebaikan

Babak, 24 September 2013

Penulis: Ali Wahid

Dari sekian yang dulu ada, Matlamat wakaf ini masih berada di bawah bayangan kerajaan Islam dan berfungsi sebagai benteng pertahanan bagi negara-negara Islam. Matlamat wakaf ini merupakan bentuk kebaikan dan terorisme.

Pada pengetahuan teman-teman yang institusi, madrasah, galungan madrasah dan mazhab yang seluruh kerajaan ini memiliki.

Pada tahun ini sejumlah 83.000 wakaf diperlukan bagi peningkatan wakaf.

Pengeluaran	2011	2010
Total	\$83,914,400	\$81,816,800
Terdapat	\$80,000	\$78,000
Terwujud	\$40,071,218	\$40,031,919
Luar negeri	\$2,000,000	\$2,000,000
Jumlah	\$83,926,418	\$83,826,819

Rangking Wakaf 2011



Pengeluaran Wakaf Utama  
Penarikan Investasi

Kategori	2011	2010
Investasi	\$51,000,000	\$48,000,000
Penarikan	\$30,000,000	\$28,000,000
Operasional	\$10,000,000	\$10,000,000
Penyumbangan	\$1,000,000	\$1,000,000
Administrasi	\$1,000,000	\$1,000,000
Penitipan	\$1,000,000	\$1,000,000
Penyelesaian	\$1,000,000	\$1,000,000
Total	\$83,926,418	\$83,826,819

Dengarkan wakaf,

Jangan lupa untuk diberi dan

Jangan buang wakaf.

Loh matlamat wakaf pada akhirnya punya nilai moral dan pengaruh sosial dan ekonomi dalam masyarakat.

“

“Alah baki maknawiyah legi muzakirah wakaf di dalam mengantarkan umat manusia dan mewujudkan wakaf”

Untuk maklumat lanjutnya, silakan pergi ke [www.wakaf.or.id](http://www.wakaf.or.id) atau hubungi Muamalat di telpon 6559-1199.

Ali Wahid

Editorial Team  
Babak Media Group  
Jl. Raya Babak No. 10, RT. 001/RW. 001  
Depok 16041, Jawa Barat  
[www.babak.org](http://www.babak.org)  
[www.wakaf.or.id](http://www.wakaf.or.id)

**Cara melibatkan golongan bukan Muslim dalam amalan wakaf**

Bagi menggalakkan penglibatan golongan bukan Muslim dalam amalan wakaf demi pembangunan negara beberapa langkah boleh diambil kira.

Pertama ialah meminda perundangan yang hanya membataskan amalan berwakaf oleh Muslim sahaja. Sebahagian perundangan seperti AMLA (Administrative of Muslim Law Act) untuk masyarakat Islam Singapura mensyaratkan pewakaf itu mestilah dari kalangan orang-orang Islam sahaja. Peruntukan seperti ini menjadi penghambat bagi pegawai tadbir persatuan-persatuan Islam untuk menerima wakaf dari golongan bukan Muslim atau memperkenalkannya kepada mereka.

Jika akta seperti ini dapat dipinda dengan meluaskan skop pengambilan wakaf, mungkin lebih ramai akan tampil untuk menyumbang kepada masyarakat melalui amalan wakaf. Ia juga akan mengangkat kekangan dan halangan dari pemimpin-pemimpin Islam untuk mempromosikan instrumen wakaf ini kepada golongan bukan Muslim.

Kedua ialah memberi pendedahan kepada golongan bukan Muslim mengenai wakaf melalui seminar, syarahan, *roadshow* dan sebagainya

sehingga mereka memahami konsep wakaf, kepentingannya, peranannya dalam menjana kesejahteraan sosial dan negara.

Penerangan seperti ini akan menarik minat mereka dalam memberi sumbangan, kerana berkemungkinan ketidaktahuan mereka mengenai wakaf atau peranannya merupakan faktor yang menghambat mereka dari berwakaf. Setelah mana dicaknakan mengenai kepentingan wakaf ini, mereka akan lebih memahami dan menghayati tujuan pensyariatannya sehingga mahu bersama-sama menghulurkan wakaf demi pembangunan bersama.

- 
- <sup>1</sup>Artikel ini pernah dibentangkan sebagai kertas kerja dalam Muzakarah Wakaf Antarabangsa anjuran Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan diantara artikel yang terpilih untuk diterbitkan dalam *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- <sup>2</sup>Ibn Muflih (1997), *Al-Furu'*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 4/483.
- <sup>3</sup>*Sahih Al-Bukhari*, hadis no. 3161.
- <sup>4</sup>Ibn Hajar (1986), *Fath Al-Bari'*, Kaherah: Dar Al-Rayyan Li Al-Turath, 5/274.
- <sup>5</sup>*Sunan Abi Daud*, hadis no. 3055.
- <sup>6</sup>Ibid, hadis no. 3024.
- <sup>7</sup>Ibn Hajar (Tt), *Al-Isabah Fi Tamyiz Al-Sahabah*, Beirut: Dar Al Fikr, 4/404.
- <sup>8</sup>*Musnad Ahmad*, hadis no. 1234.
- <sup>9</sup>*Sunan Al-Tirmizi*, hadis no. 1624.
- <sup>10</sup>Al-Baihaqi (2005), *Sunan Al-Kubra*, Beirut: Dar Al Fikr, 14/72
- <sup>11</sup>Abadi (Tt), *Aun Ma'bud*, Kaherah: Maktabah Al Taufiqiyah, 8/222; Ibn Hajar, *Fathul Bari*, 5/237.
- <sup>12</sup>*Musnad Ahmad*, hadis no. 16056.
- <sup>13</sup>*Sahih Al-Bukhari*, hadis no. 2618.
- <sup>14</sup>Ibn Hazm (Tt), *Al-Muhalla*, Kaherah: Matba'ah Al-Nahdah, 9/159.
- <sup>15</sup>Contohnya Al-Syarbini (Tt), *Mughni Al-Muhtaj*, Beirut: Dar Al-Fikr, 2/512
- <sup>16</sup>Al-Baghawi (2002), *Ma'alim Al-Tanzil*, Beirut: Dar Ibn Hazm, ms. 170. Al-Qurtubi (2006), *Tafsir Al-Qurtubi*, Al Mansurah: Maktabah Al-Iman, 2/383
- <sup>17</sup>Sahih Muslim, *Kitab: Zakat. Bab: Menggalakkan bersedekah*.
- <sup>18</sup>Al-Nawawi (Tt), *Majmu'*, Beirut Dar Al-Fikr, 9/351.
- <sup>19</sup>Sahih Muslim, *Kitab: Al-Musaqah. Bab Pengharaman menjual arak*.
- <sup>20</sup>*Musnad Ahmad*, hadis no. 2221.
- <sup>21</sup>*Sahih Al-Bukhari*, hadis no. 2731.
- <sup>22</sup>Ibn Taymiyyah (1983), *Al-Siyasah Al-Syariah*, Beirut: Dar Al-Afaq Al-Jadidah, ms. 42.
- <sup>23</sup>Al-Zarqani (2002), *Hasyiyah Al-Zarqani*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 7/35.
- <sup>24</sup>*Al-Musannaf*, hadis no. 14674 & 14675.
- <sup>25</sup>Ibn Taymiyyah (2004), *Majmu' Al-Fatawa*, Saudi: Al-Awqaf Al-Saudiyyah, 29/318.
- <sup>26</sup>*Al-Musannaf*, hadis no. 9886.

## Penutup

Dari pembentangan tadi, didapati para ulama mazhab bersepakat bahawa wakaf dari golongan bukan Muslim dibenarkan dalam kemaslahatan dunia. Kesepakatan ini boleh mendorong kerja sama di antara masyarakat Muslim dan bukan Muslim dalam membangun negara dan menolong agenda pemerintah dari amalan berwakaf seperti membina hospital, peralatan perubatan, taman-taman, teknologi dan alat penapisan air, ambulans, keperluan pembelajaran dan seumpamanya.

- <sup>27</sup>Ibid, hadis no. 9887.
- <sup>28</sup>Ibn Taymiyyah (2004), *Majmu' Al-Fatawa*, 29/319.
- <sup>29</sup>Ibn Nujaim (1997), *Al-Bahr Al-Raiq*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 5/316; Ibn 'Abidin (2003), *Rad Al-Mukhtar*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 6/526.
- <sup>30</sup>Al-Khursyi (1997), *Hasyiyah Al-Khursyi*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 7/369. Al-Amir (2011), *Al-Ikll*, Kaherah: Dar Al-Fadhilah, 2/304.
- <sup>31</sup>Al-Ramli, (2012) *Nihayat Al-Muhtaj*, Kaherah: Maktabah Al-Taufiqiyah, 5/536; Al-Mawardi (2004), *Al-Hawi*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 7/524; Al-Mardawi (1998), *Al-Inshaf*, Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi, 7/12; Ibn Qudamah (2004), *Al-Mughni*, Kaherah: Dar Al-Hadis, 7/551.
- <sup>32</sup>Al-Rafi' (1997), *Syarah Al-Kabir*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 6/248.
- <sup>33</sup>Al-Bahuti, (1997), *Kisyaf Al-Qina'*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 4/242.
- <sup>34</sup>Al-Lakhmi (1430H), *Al-Tabshirah*, Mekkah: Maktabah Ummu Al-Qura, ms. 687.
- <sup>35</sup>Al-Jassas (1992), *Ahkam Al-Quran*, Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi, 4/104.
- <sup>36</sup>Ibn Jauzi (1994), *Zad Al-Masir*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, ms. 219.
- <sup>37</sup>*Sunan Al-Tirmizi*, hadis no. 1601.
- <sup>38</sup>*Sunan Al-Nasa'i*, hadis no. 5224.
- <sup>39</sup>Al-Baihaqi (2005), *Sunan Al-Kubra*, 15/119
- <sup>40</sup>*Sunan Al-Kubra*, hadis no. 20991.
- <sup>41</sup>Ibn Al-Hummam (1997), *Fath Al-Qadir*, Beirut: Dar Al-Fikr, 5/503; Al-Sarakhs (Tt), *Al-Mabsuth*, Beirut: Dar Al-Marifah, 10/24. Al-Nawawi (2000) *Raudhatul Thalibin*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 7/441. Ibn Qudamah (2004), *Al-Mughni*, 12/525.
- <sup>42</sup>*Sunan Abi Daud*. No hadis: 5362.
- <sup>43</sup>Abu Daud, *Kitab Al-Marasil*, ms. 354.
- <sup>44</sup>*Sahih Al-Bukhari*, hadis no. 2263; Al-Qasthalani (1991), *Mawahib Al-Ladunniyyah*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 1/298-299.
- <sup>45</sup>Al-Syirazi (Tt), *Al-Muhazzab*, Semarang: Maktabah Putera, 2/230; Al-Sarakhs (Tt), *Al-Mabsuth*, 10/24.
- <sup>46</sup>Al-Jassas (1992), *Ahkam Al-Quran*, 4/104.
- <sup>47</sup>Al-Syarbini (Tt), *Mughni Al-Muhtaj*, 4/221.



## **Islam dan Fahaman Pluralisme: Ke Arah Sikap Yang Lebih Seimbang Dalam Islam**

Oleh Ustaz Mohd Jakfar bin Hj Embek

### **Pengenalan - faham takrif yang berbeza**

Dari sudut definisi istilah kemajmukan atau pluralisme (katanama) itu sendiri tidak seragam. Ada yang menanggap *pluralism* dari sudut ontologi, epistemologi dan aksiologi, iaitu nilai dan pengamalannya. Perbezaan bergantung pada siapa yang menggunakan, konteks apa dia bercakap dan matlamat orang yang bercakap.<sup>1</sup> Sering kali juga perbezaan yang ada diwarnai oleh polemik pro dan kontra di kalangan cendekiawan.

Terdapat cendekiawan di Malaysia seperti Syed Muhamad Naquib Al-Attas dan anak didiknya, Dr. Farid Shahran, Dr. Anis Malik Thoha,<sup>2</sup> Muamaar Khalif A. Harris<sup>3</sup> dan ramai alumni ISTAC serta di Indonedia seperti Adian Husaini dan pimpinan Majlis Ulama Indonedia berpendapat fahaman pluralisme menjurus kepada fahaman yang meletakkan semua agama sama.

Kekeliruan timbul jika kita fahami, (daripada istilah bahasa Arabnya) *ta`addudiyyah al-adyan* (kepelbagaian agama) sebagai *wahdat al-adyan* (kesatuan agama). Sedangkan antara kedua istilah tersebut mempunyai maksud dan pelaksanaan yang jauh berbeza. Jika dilihat pada sudut sejarah dan etimologis wacana dan istilah, pluralisme bermula di Barat oleh gereja ketika bagi mencari jalan penyatuan oleh kelompok ekunemikal dan aliran Liberal-Protestanisme pada awal abad 18. Dasar mereka ketika itu adalah; humanism-sekular, teologi global, sinkretisme dan kebenaran abadi (*sophia perennial*).

Namun penggunaannya sudut ilmu sosiologi dan sains politik berlainan pula. Ramai lagi cendekiawan yang tidak bersetuju pandangan kelompok ISTAC di atas yang terikat dengan satu faham maksud. Baru-baru ini Sdr Chandra Muzaffar, ilmuwan dan advokator suara keadilan sosial dan hak asasi manusia, menyanggah pegawai Kementerian Dalam Negeri, Alwi Ibrahim dan pegawai tinggi Melayu kementerian tersebut yang mengharamkan buku suntingan beliau *Breaking the Silence* yang dikatakan membawa kepada idea liberalisme dan pluralisme yang menggugat “kepentingan awam”.

Jika diteliti sudut perbincangan dalam buku tersebut,<sup>4</sup> ia sebenarnya membicarakan keimbangan 25 tokoh ilmuwan Melayu/Muslim yang digelar G25 terhadap ceramah-ceramah yang berbau kebencian perkauman oleh beberapa kelompok ultra Melayu dan kumpulan yang curiga terhadap kaum Cina dan golongan bukan Muslim disebabkan politik ketuanan Melayu dan dengan nama Islam yang kian membawa kepada fahaman sempit dan ekslusif di kalangan rakyat Malaysia. Kumpulan ini juga menyuarakan agar undang-undang syariah dan undang sivil di Malaysia sekarang ini dapat dinilai semula, selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

Chandra, sebagai seorang saintis sosial politik dan bekas Penggerusi Just, sejak dari dahulu agak konsisten dalam memberi makna pluralisme dari perspektif sains sosial dan bukan sudut epistemologi yang digunakan oleh kelompok cendekiawan ISTAC. Pada Chandra, terdapat banyak salah faham yang menyamakan pluralisme sebagai menjurus pada kesatuan agama. Beliau berpandangan bahawa pluralisme adalah realiti kewujudan dalam memperku adanya kepelbagaian samada ia sudut politik, pandangan hidup, budaya, agama dan juga kerencaman etnik dan suku bangsa makhluk ciptaan Allah. Dasar beliau adalah pada ayat 49:13 dan 5:48 dalam Al-Quran yang memperakui kepelbagaian bangsa dan agama. Beliau menolak keimbangan akan terjadi kesatuan agama sebagaimana di atas.


Pandangan tersebut juga dipegang oleh seorang cendekiawan Islam seperti almarhum Ustaz Fathi Osman<sup>5</sup> daripada Mesir dan meninggal dunia di Amerika Syarikat. Sikap menanggap pluralisme dari sudut institusi lebih pada toleransi moral atau hidup bersama secara pasif. Toleransi bagi beliau melibatkan ketanggungjawaban perasaan dan tingkah laku individu dan kumpulan untuk wujud secara bersama dan menerima orang lain walau ketika berlaku konflik. Ia memerlukan institusi dan undang-undang bagi memelihara dan mengukuh asas-asas persaudaraan kalangan semua manusia (Muslim dan bukan Muslim) samada peringkat individu maupun kumpulan. Sama ada perbezaan dan kelainan itu daripada lahir atau diperolehi melalui undang-undang imigrasi. Pluralisme memerlukan pendekatan serius untuk dapat memahami pihak lain lantas berusaha bekerjasama secara konstruktif bagi kemanfaatan semua.

Seorang profesor dalam kajian Muslim minoriti lain di United Kingdom (UK), Dr. Ataullah Siddique dari Markfield Institute of Higher Education (MIHE) juga menyatakan bahawa pluralisme adalah "state of being" atau realiti kewujudan, iaitu makhluk ciptaan Tuhan adalah rencam dan berbeza-beza. Bagi beliau, mencebur dalam polemik pengistilan, tetapi tidak menangani isu sebenar perpaduan dan wujud hormat-menghormati antara satu sama lain adalah satu kesilapan besar dalam konteks membangun hubungan antara kaum dan masalah Islamofobia di negara minoriti Muslim seperti di UK. Maka baginya, konsep dakwah dalam masyarakat plural di Eropah membawa maksud menyantuni, dan bukan menjurus pada perubahan akidah seseorang dahulu. Seseorang yang tidak dimenangi hati dan akalnya tidak mudah akan menerima kebenaran Islam. Oleh itu, dakwah hendaklah inklusif dalam pendekatan dan menjangkau semua, tapi eksklusif pada sudut akidah dengan tidak mensyirik Tuhan dengan apa juga bentuk. Dr Ataullah bimbang jika polemik akademik diperbesarkan, tetapi permasalah sebenar dalam hubungan Muslim dan non-Muslim di dunia masa kini tidak ditanggap secara bijaksana.

Pandangan Dr. Ataullah Siddique ini boleh dikatakan selari dengan salah satu kaedah dakwah oleh Sheikh Jumu'ah Amin Abdul Aziz<sup>6</sup>, *Al-Ta`rif Qabl Al-Taklif* (*Memahamkan dahulu sebelum memberi kewajipan*).

#### **Fitnah ilmu golongan pluralis Melayu**

Namun tidak dinafikan ada segelintir cendekiawan Melayu yang gemar mempromosi fahaman pluralisme dari perspektif Barat. Rujukan kepada tokoh-tokoh barat amat dominan dalam rencana-rencana mereka. Ada yang memuji perspektif pluralisme ala kepelbagaiannya dalam kesatuan (bhinneka tunggal ika), sebagaimana doktrin Pancasila Indonesia. Saya perhatikan ada yang semudah mengeluarkan kata-kata seperti; "saya akan merasa sedih jika saya sebagai orang Islam akan masuk syurga, tetapi sahabat-sahabat saya dari agama Kristian dan Buddha masuk neraka". Setentunya kata-kata itu adalah satu kata-kata kurang cermat, apologetik dan boleh menyalahi nas qath'i dalam Al-Quran.



Golongan pluralis yang seperti ini menyamai kelompok liberal-humanis-sekular yang berpendapat kebenaran tidak pernah ekslusif dan dimiliki oleh mana-mana tradisi atau budaya. Ia juga tidak boleh terikat dengan nilai dan penguasaan Tuhan. Maka pencarian kebenaran mereka bersifat amat subjektif dan berubah. Mencari kebenaran bagi mereka seperti mencari maksud keseragaman dalam dialog ekualemikal antara pelbagai gereja yang terpisah-pisah. Usaha mencari erti persamaan ekumenisme antara pelbagai gereja amat panjang, dari zaman empayar Rom, tapi masih belum capai huraian dan tidak juga menjurus kepada kesatuan.

#### **Antara inklusif dan eksklusif**

Golongan ini, baik Muslim dan bukan Muslim, juga mengemukakan satu gambaran pada pandangan umum bahawa semakin lebih beragama menjadikan individu kurang berkemanusiaan, kurang toleran dan nilai inklusif seseorang dengan agama lain boleh dipertikaikan kerana lebih menjaga sempadan keyakinan masing-masing.

Secara teologi dan sejarah, dakwaan ini tidak benar. Namun ia boleh dibenarkan hari ini oleh sikap Muslim sendiri yang memilih untuk memahami dan mengamalkan Islam dalam bentuk yang eksklusif dalam hubungan dengan bukan Muslim.

Lebih ironi, apabila isu inklusif dan eksklusif dalam masyarakat Islam ini membabitkan konflik sesama umat Islam disebabkan perbezaan aliran yang dipacu oleh ego dan ketaksuban.

Sememangnya, pertembungan aliran dalam masyarakat Islam sudah wujud sejak dari zaman Khulafa Rashidin lagi seperti pertembungan antara aliran Ahli Sunnah dan Syiah, antara aliran Ahl Al-Ra'yi dan Ahl Madinah dan antara aliran Muktazilah dan Ahli Sunnah.

Dalam hal ini, sesetengah dari kalangan umat Islam lebih cenderung untuk menyatakan rasa hormat, berlembut, toleran dan teruja dalam hubungan antara agama, tapi tidak dapat bertolak ansur dalam perbezaan dalam kalangan umat Islam hingga ada yang mudah melabel

pihak yang berbeza dengan label kufur, sesat, liberal dan lain-lain.

### Kembali pada keseimbangan

Perlu difahami bahawa seorang itu mungkin ahli agama, tetapi kadangkala pemikirannya terkesan dengan emosi rasa ego yang terlalu tinggi, hingga sukar menerima perbezaan dan adab dalam melihat perspektif berbeza. Secara ilmiyah, setiap perkara perlu diadili secara fakta dan bukan mengikut emosi hati. Bijak secara ilmiyah, tidak sama dengan bijak secara adab dalam amalan sosial.

Yang saksama (*wasatiyah*) ialah;

- Tidak mudah terikut-ikut kepada panduan parameter Tauhid yang jelas sebagai tapisan dalaman
- Mengamalkan tabayun (mengkaji dan mencari penjelasan) sebelum bertindak membuat hukuman salah/betul, benar/batil, halal/haram, sunnah/bid'ah dsb.
- bersikap toleran dan berlapang dada jika harus berbeza pendapat dengan yang lain.

Inilah faktor-faktor yang memelihara dari sikap pelampauan, ketaksuban dan kesempitan dada serta minda yang dimanifestasikan dalam tingkah laku dan idea-idea yang meletakkan diri atau aliran anutannya lebih tulen, lebih benar atau lebih Ahli Sunnah dari yang lain. Kesemua ini bertentangan dengan adab wasatiyah dalam Islam.

Ini adalah faktor-faktor yang membentuk sikap ekslusif yang antagonistik terhadap agama atau fahaman yang berbeza.

### Eksklusifisme yang diakui

Ekslusif dalam Islam adalah ekslusif sudut Tauhid yang esa dan keyakinan bahawa agama Islam itu benar dan agama lain itu salah kerana kededuanya ada sandaran dalam Al-Quran.

“Sesungguhnya agama dan isi Allah adalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang diberi kitab Allah kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, kerana kedengkian (yang ada) antara mereka. Barangsiapa kafir (engkar) terhadap ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisabnya.” (Ali Imran: 19)

“Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.” (Ali Imran: 85)


Ayat di atas adalah ekslusif bagi orang yang beriman dengan Islam. Maka menyatakan bahawa saya beragama Islam, tetapi saya juga akur yang agama lain juga adalah benar, adalah fahaman tertolak dari sudut Tauhid. Ia adalah prinsip yang tidak boleh dikompromi dan tidak perlu pula bersikap apologetik untuk memenangi hati golongan bukan Islam.

Namun ekslusif yang menjurus pada hubungan sosial dan sesama manusia (ukhuwah insaniyah), Islam menolaknya atas dalil dari Al-Quran di mana kita tidak boleh mencerca, merendah-rendah, mengejek, mencela agama dan anutan penganut bukan seperti firman Allah taala,

“Dan janganlah kamu mencari benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka,

kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu la menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.” (Al-An'am: 108)

Jika diteliti ayat di atas itu adalah prinsip inklusif yang dibenarkan dalam Islam. Walaupun kita katakan bahawa agama selain Islam itu tidak benar sudut wahu, namun dalam interaksi sosial yang wasatiyah mereka tetap dirangkum sebagai manusia yang berhak dihormati pilihan



mereka dan tidak boleh meminggirkan atau didiskriminasikan hanya disebabkan pilihan itu. Keyakinan terhadap Islam sebagai agama yang benar dikongsi untuk dianuti dengan mereka melalui jalan dakwah, bukan layanan bersifat diskriminatif.

### **Penutup**

Apabila membicarakan soal inklusif terhadap bukan Muslim, seharusnya sikap itu lebih utama diamalkan dalam konteks perbeaan dalaman sesama umat Islam.

Setiap istilah perlu ada keseimbangan dalam penggunaannya sejajar dengan dalil Al-Quran dan Sunnah. Ia bukan satu proses yang mudah hingga menjadi alat mencemuh atau menghukum orang yang kita berbeza pandangan dengan sewenangnya.

Persoalan kebenaran dalam tradisi Islam boleh menjadi persepsi individu, seperti kata seorang cendekiawan dan ulama Islam masa kini. Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi dari Universiti Malaya (dalam Ceramah MUIS), ".... walaupun secara dasarnya kita katakan bahawa kebenaran itu satu, namun pengertian atau penafsiran terhadap takrif kebenaran ini juga kadangkala boleh mempunyai kepelbagaiuan perspektif dan dimensi yang berbeza."

Akhirnya, jika pun perbeaan tidak terelak, mengamalkan adab berbeza pendapat dalam Islam adalah sama penting. Berbeza itu harus, tetapi mengamalkan adab dalam berbeza itu wajib hukumnya. Mengutamakan yang harus daripada yang wajib adalah pilihan yang tidak logik dan tidak seimbang.

<sup>1</sup>Lihat *Internet Encyclopedia of Philosophy*,  
<https://www.iep.utm.edu/rel-plur/>

<sup>2</sup>Anis Malik Thoha (2005), *Tren Pluralisme Agama, Tinjauan Kritis*, Jakarta: Gema Insani.

<sup>3</sup>Khalif Muammar (2006), *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.

<sup>4</sup>G25 Malaysia (2016), *Breaking the Silence, Voices of Moderation, Islam in a Constitutional Democracy*, Singapore: Marshall Cavandish International.

<sup>5</sup>Mohamed Fathi Osman (1996), *The Children of Adam: An Islamic Perspective on Pluralism*, Centre for Muslim-Christian Understanding, Georgetown University.

<sup>6</sup>Jumu'ah Amin Abdul Aziz (2005), *Fiqh Dakwah*, Solo: Intermedia.





## Penggunaan Akal Dalam Memahami Teks Agama: Satu Perspektif Wasati

Oleh Ustaz Muhammad Syafiee Bin Hassan

Tamadun dari yang terawal hingga kini mempunyai satu titik persamaan, iaitu peranan manusia dalam mencetus dan membangunnya. Kemampuan manusia untuk berperanan sedemikian pula adalah disebabkan unsur akal sebagai alat berfikir yang diciptakan. Akal bukan hanya menjadikan manusia makhluk yang tinggi upayanya tetapi ia juga menjadi unsur pembeza utama dengan makhluk-makhluk lain, khususnya hidupan haiwan.

Manusia menggunakan akal bukan hanya dalam bidang keduniaan, tapi juga dalam bidang keagamaan. Para ulama-ulama dalam pelbagai bidang, baik yang silam mahupun sekarang, tidak akan lepas menggunakan dalil "aqli" (hujah logik) atau "naqli" (hujah berdasarkan nas Al-Quran atau Sunnah).

Disebabkan kepentingan penggunaan akal oleh manusia, artikel ini ditulis untuk membincangkan isu penggunaan akal dalam memahami teks-teks agama dengan cara yang seimbang.

Sebagai pendahuluan, saya ingin mengajak pembaca untuk sama-sama memberi perhatian kepada contoh atau analogi di bawah ini. Ia sekaligus juga akan memberitahu tentang tujuan sebenar artikel ini dituliskan.

Contohnya ialah,

"Ahmad seorang pelajar agama sedang melanjutkan pelajarannya di luar negara. Beliau adalah pelajar yang rajin serta pintar. Pada suatu hari, wabak penyakit kolera berleluasa di negeri tempat beliau belajar. Amaran kesihatan menyatakan bahawa antara penyebab berleluasannya penyakit tersebut adalah pencemaran air oleh bakteria. Antara pembawa bakteria yang menyebabkan pencemaran air ialah lalat. Sedang Ahmad mendengar berita daripada radio di sudut biliknya, tiba-tiba seekor lalat menghinggap di cawan minumannya yang berisi air putih lalu terjatuh ke dalamnya.

Beliau teringat sebuah hadis, "Jika lalat terjatuh di dalam air minuman kalian, maka hendaklah tenggelamkannya kemudian keluarkan ia. Seseungguhnya pada salah satu kepaknya terdapat ubatan dan yang lain adalah penawar." (Riwayat Al-Bukhari)

Ahmad pun berfikir; Apa yang harus aku lakukan? Adakah aku beramal dengan zahir hadis ataupun mengutamakan akal fikiran beliau?"<sup>1</sup>

Apakah yang akan anda lakukan, jika anda berada di situasi yang sama? Adakah berpegang dengan teks hadis tanpa memikirkan akibat yang boleh terjadi? Ataupun mengambil langkah hati-hati dan membuang air yang ada di cawan itu? Jika anda mengambil langkah yang kedua adakah itu bermakna anda mengutamakan penemuan sains dan membelaikan hadis Nabi s.a.w?

Inilah persoalan-persoalan yang akan dibincangkan dalam artikel ini - penggunaan akal dalam memahami teks agama secara saksama.

Bagi tujuan ini, artikel ini dibahagikan kepada tajuk-tajuk kecil berikut;

- Maksud serta konsep akal
- Maksud serta konsep naql ~ Pertembungan antara akal dan naql
- Jalan wasati mengharmonikan akal dan naql
- Rumusan

### Maksud serta konsep akal

Perkataan akal mengandungi berbagai-bagai makna, baik daripada sudut bahasa, atau istilah.

Akal dari sudut bahasa membawa erti;  
a. Mengikat seperti dalam hadis,

"Seorang lelaki berkata kepada Rasulullah s.a.w: Apakah perlu aku ikat untukku dan bertawakal ataupun lepaskan ia dan bertawakal. Rasulullah s.a.w bersabda: *I'qilha wa tawakkal* (Ikatlah ia dan bertawal)." (Riwayat Al-Tarmizi)

Bahkan akal juga boleh membawa erti ikatan maknawi, iaitu mengikat sesuatu ilmu dan mengambil iktibar.<sup>2</sup>

Apabila ilmu tersebut diikat (dengan mengambil iktibar), orang itu disebut sebagai orang yang berilmu sebagaimana firman Allah taala, "Itulah dia perumpamaan yang kami berikan kepada manusia, Tiada yang dapat mengambil iktibar (berakal) kecuali orang-orang yang berilmu." (Al-Ankabut: 43)

- b. melarang atau mengekang<sup>3</sup>
- c. mencari kebenaran, berfikir sehingga membezakan antara yang hak dan yang batil, memandang kepada akibat daripada sesuatu perbuatan

- d. memikirkan hakikat di sebalik suatu kejadian

Berdasarkan makna-makna yang dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa akal dari sudut bahasa membawa erti ikatan yang menghalang seseorang daripada melakukan perkara yang membawa padah pada dirinya kerana akal juga seseorang itu dapat menerima ilmu yang dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Akal dari sudut istilah juga mempunyai pelbagai makna berdasarkan disiplin ilmu yang dibincangkan.

Dalam bidang falsafah, makna akal ialah sesuatu jauhar (perkara) yang berdiri sendiri, tidak berkaitan dengan badan, tetapi sentiasa melazimi badan. Ia mampu untuk memahami hakikat sesuatu perkara.<sup>4</sup> Kadang-kadang ia boleh bererti ruh, atau hati sanubari.

Ibn Rushd salah satu ahli falsafah Islam yang juga dikenali sebagai penterjemah agung falsafah Aristotle membahagikan tingkatan akal kepada;<sup>5</sup>

1. 'Aql Burhani, jenis akal yang mampu menerima hakikat sesuatu makna. Natijahnya, ia sentiasa bersifat yakin. Ia jenis akal yang boleh dicapai oleh ahli falsafah.
2. 'Aql Jadali, jenis akal yang berpegang kepada pendekatan dialektik serta penggunaan logik. Ia akal yang selalu wujud pada ulama ahli kalam.
3. 'Aql Khattabi, jenis akal yang cukup dengan pendekatan yang menenangkan jiwa, tidak kira ia bersifat yakin atau tidak. Contohnya seperti malaikat Jibril mendatangi Rasulullah s.a.w.

Akal di sisi ulama Ilmu Kalam,<sup>6</sup> ialah daya kekuatan yang berada pada jiwa manusia yang menyebabkan ia mampu untuk menerima ilmu pengetahuan dan menjadi alat untuk berfikir.<sup>7</sup> Akal mengikut mereka terbahagi kepada 4 tingkatan;

1. 'Aql Badhi atau Dharuri, iaitu akal yang berfungsi secara semula jadi yang tidak perlu pada pembelajaran seperti jumlah dua lebih banyak dari satu.
2. 'Aql Istidlali, iaitu akal yang boleh menghubungkan perkara yang jelas untuk mengetahui perkara yang tidak diketahui seperti kasut di luar rumah menandakan ada orang yang berada di dalam rumah. Tingkatan kedua inilah yang menghimpunkan kemampuan untuk menterjemah segala hukum akal yang tiga; a) Apa yang wajib

pada akal seperti dua lebih dari satu, b) Apa yang mustahil pada akal, iaitu bapa lebih muda daripada anak kandungnya sendiri, dan c) Apa yang harus pada akal seperti adanya kehidupan di angkasa.

3. 'Aql Iktisabi, ialah akal yang memerlukan kepada penggarapan pancaindera untuk mempelajari ilmu yang baru, seperti melihat fungsi api yang membakar, justeru itu, melalui percubaan (*experiment*) dapat melahirkan fungsi memasak dan melentur besi.
4. Akal yang diberikan ilham langsung oleh Allah taala kepada seseorang.

Ulama Ilmu Kalam melihat akal, samada sebagai alat untuk memahami sesuatu perkara atau ia adalah daya tabiat berfikir yang ada pada setiap jiwa manusia.

#### Penggunaan akal dalam Al-Quran

Apakah penggunaan istilah-istilah di atas sama dengan apa yang dimaksudkan oleh Al-Quran?

Tinjauan pada Al-Quran menunjukkan ia amat memberi perhatian kepada akal. Ia disebut dalam Al-Quran sebanyak 49 kali; 24 kali dengan kata kerja "ta'qilun", 22 kali dengan kata kerja "ya'qilun" dan satu kali bagi setiap kata kerja "aqala", "na'qilu", dan "ya'qilu".

Sebahagian contoh-contoh penggunaan perkataan akal dalam Al-Quran ialah firman Allah taala:

"Dan dari buah kurma dan anggur, kamu membuat minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik.


Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang mengerti (mengguna akal)." (Al-Nahl: 67)

"Dan perumpamaan (orang yang menyeru) orang-orang kafir adalah seperti penggembala yang memanggil binatang yang tidak mendengar selain panggilan dan seruan saja. Mereka tuli, bisu dan buta, maka (oleh sebab itu) mereka tidak mengerti (mengguna akal)." (Al-Baqarah: 171)

"Dan demi sesungguhnya, Kami telah (binasakan bandar itu dan telah) tinggalkan bekas-bekasnya sebagai satu tanda (yang mendatangkan iktibar) bagi orang-orang yang mahu memahaminya." (Al-Ankabut: 35)

Dari penggunaan akal dalam Al-Quran, dapat dirumuskan kegunaan akal ialah:

1. *Tadabbur*, berfikir dengan melihat kepada akibat<sup>8</sup>



2. *Tafakkur*, berfikir tentang hujah-hujah atau tanda-tanda yang ada untuk mencapai makna di sebalik tanda-tanda tersebut<sup>9</sup>
3. *Tazakkur*, proses mengingat kembali ilmu yang digarap<sup>10</sup>
4. *Tafaqquh*, proses memahami secara mendalam dan sempurna sesuatu tanda-tanda<sup>11</sup>
5. *Ta`aqqu*, proses mengikat makna suatu pengetahuan. Setelah seseorang mengikat pengetahuan, dia dapat dikatakan sebagai orang yang mengetahui (*al-`alim*) terhadap sesuatu objek atau tanda-tanda.<sup>12</sup>

Namun yang menjadi perhatian dalam perbahasan ini adalah akal yang tersemat di dalamnya sifat untuk berfikir, bertadabbur serta kekuatan untuk menggunakan hukum logik akal yang terdapat dalam setiap jiwa manusia.

Antara hukum logik terdapat pada akal adalah seperti berikut;

- kaedah “sebab dan musabab”
- kaedah “wajib `aqli” “mustahil `aqli” dan “jaiz `aqli”
- kaedah “dua perkara yang berlawanan tidak boleh diangkat dan dihilangkan”.<sup>13</sup>


Adapun sangkaan (*wahm*) yang dihasilkan oleh pemikiran (natijah pemikiran akal yang tidak memberikan hasil yang meyakinkan seperti wujudnya kewujudan *alien*), tidak termasuk dalam perbahasan ini.

Akal penting dari perspektif Al-Quran kerana:

- segala amalan manusia akan diperhitungkan disebabkan dia berakal
- seseorang manusia tidak memikul taklif agama apabila ia tidak berakal
- membezakan manusia dengan binatang
- manusia mampu untuk memahami ayat-ayat Al-Quran serta semua yang diperintahkan dan dilarang oleh Allah taala dan Rasulullah s.a.w melalui
- mampu menilai adakah sesuatu perkara itu mendatangkan manfaat atau sebaliknya.

Dari penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa maksud akal dalam Al-Quran selari dengan istilah akal di sisi jumhur ulama Ilmu Kalam. Inilah maksud akal yang akan digunakan dalam perbahasan ini, iaitu natijah daripada proses pemikiran yang melalui hukum logik akal yang telah disebutkan.<sup>14</sup>

Seterusnya pula ialah memahami maksud naqal.



Naqal membawa erti perpindahan, serta pengambilan. Namun yang dimaksudkan di sini adalah teks-teks agama yang diambil dari Al-Quran serta hadis-hadis Nabi s.a.w.<sup>15</sup>

Setelah memahami maksud naqal, perlu pula memahami pembahagian dan tingkatan teks agama (naqal) dalam berusaha untuk menghasilkan hukum atau rumusan agama, iaitu;

1. *Qat`iy thubut, qat`iy dilalah* (pasti pada ketulenan dan pada makna)
2. *Qat`iy thubut, zanniy dilalah* (pasti pada ketulenan, spekulatif pada makna)
3. *Zanniy thubut, qat`iy dilalah* (spekulatif pada ketulenan, pasti pada makna)
4. *Zanniy thubut, zanniy dilalah* (spekulatif pada ketulenan dan pada makna)

#### Pertembungan antara akal dan naqal

Para ulama dari pelbagai bidang seperti ahli falsafah Islam dan ulama ilmu Usul bersepakat bahawa kedua akal dan naqal dapat bertemu pada titik yang sama, iaitu mencapai kebenaran serta beramal dengannya. Yang dimaksudkan dengan kebenaran (*al-haq*), ialah sesuatu yang selari dengan realiti.<sup>16</sup>

Ertinya akal dan naqal tidak bercanggahan antara satu sama yang lain, tapi saling melengkapi. Akal yang benar akan selari dengan realiti dan kefahaman naqal yang benar.<sup>17</sup>

Ini juga memberi maksud pertembungan antara akal dan naqal berlaku ialah apabila salah satu dari kedua tadi tidak mencapai tahap kebenaran atau ketulenan yang diperlukan. Hatta perkara ini boleh berlaku dalam ayat mutasyabihat dalam bidang akidah.<sup>18</sup>

Setelah mengetahui bahawa pertembungan antara akal dan naqal boleh berlaku hanya apabila salah satu daripada kedua-duanya terdapat kekurangan, maka cara menghuraikan pertembungan ini ialah melihat yang mana satu adalah sahih.

Namun yang mana satu akan kita utamakan, jika kedua natijah akal dan naqal yang bertentangan berada pada status keyakinan atau kebenaran yang sama? Seperti contoh yang disebutkan di awal artikel ini, iaitu pertembungan antara natijah naqal yang sahih (mencelupkan lalat ke dalam air) & natijah akal yang sahih (membuang air yang tersisa kerana meyakini bahwa lalat adalah binatang yang membawa penyakit kolera).

#### Maksud serta konsep naqal

Terdapat tiga pendekatan dalam situasi seperti ini,

1. pendekatan yang mengutamakan natijah akal
2. pendekatan yang hanya berpegang pada maksud literal dari naqal
3. pendekatan wasatiyah (seimbang dan saksama antara penggunaan akal dan naqal)

#### *Pendekatan yang mengutamakan natijah akal*

Pendekatan ini terbina dari pemikiran yang meletakkan kebergantungan yang tinggi pada akal. Justeru itu, apabila terjadinya pertembungan antara natijah akal dan naqal, mereka yang beraliran ini akan mengutamakan natijah akal daripada naqal. Golongan ini berhujah teks agama tidak dapat memberikan natijah yang meyakinkan kerana teks agama diwarisi melalui periyawatan yang mana keraguan boleh berlaku pada jalur periyawatannya. Keraguan tersebut boleh disebabkan tercampurnya pemahaman perawi terhadap teks agama yang tulen ataupun kesamaran *dilalah* iaitu makna terkandung pada teks itu. Hal ini berbeza dengan natijah yang dikeluarkan oleh akal. Ia bersifat yakin seperti satu campur satu adalah dua. Mustahil jawapannya tiga.

Maka, bila dikaitkan pendekatan ini dengan contoh yang disebutkan di awal artikel, pendokong pendekatan ini akan menilai semula hadis Nabi s.a.w berkenaan lalat tersebut dan mengutamakan natijah akal. Iaitu untuk membuang air tersebut dan tidak meminumnya.

#### *Pendekatan yang hanya berpegang pada maksud literal dari naqal*

Pendokong prinsip ini hanya berpegang teguh pada makna literal teks agama tanpa menggerakkan akal untuk bertanya dan menghuraikan sesuatu natijah yang terhasil daripada teks agama.

Mereka berhujah kerana kebenaran yang tulen hanya dapat digarap melalui wahyu Allah taala. Sedangkan daptan-daptan natijah akal sering kali berubah mengikut zaman dan keadaan. Justeru itu, jika dikaitkan dengan contoh awal tadi, mereka akan mencelup lalat tersebut dalam gelas yang berisi air seperti mana anjuran Nabi s.a.w. Walaupun besar kemungkinan lalat tersebut akan membawa penyakit kolera, mereka tetap melakukan kerana keyakinan bahawa lalat tersebut

mempunyai ubat yang dapat melawan kuman yang ada sepetimana yang disebutkan oleh hadis Nabi s.a.w.

#### **Pendekatan wasatiyah sebagai jalan penyelesaian**

Prinsip yang mengambil jalan pertengahan adalah prinsip yang diguna pakai oleh Ahlussunnah Wal Jamaah. Ia adalah pendekatan yang mengambil jalan tengah atau pun keseimbangan antara natijah akal dan naqal.<sup>19</sup>

Akal dijadikan hujah untuk mendekatkan pemahaman seseorang terhadap naqal yang sahih. Jika terdapat seakan pertembungan antara natijah akal yang sahih dan natijah naqal yang sahih, maka usaha akan dilihat dari sudut kupasan takwil, iaitu berusaha untuk


mengalihkan makna yang zahir kepada makna yang tidak zahir pada naqal tersebut. Hal ini membolehkan naqal tetap terpelihara fungsinya dan tidak terus dipinggirkan. Jika tetap tidak boleh disatukan antara kedua-duanya, pendirian *tawaqquf* iaitu menggantung penggunaan natijah dari kedua-duanya atau tidak mengutamakan mana-mana natijah, sehingga ada bukti lain yang dapat menguatkan salah satu dari kedua-duanya. Di samping itu sikap berbaik sangka dan menghormati natijah naqal juga dianjurkan.<sup>20</sup>

Dalam konteks contoh yang diberikan, pendokong

pendekatan ini akan menganalisa apa yang dimaksudkan dengan lalat tersebut, lalu melihat mana-mana nas yang membincangkan mengenai topik yang sama dan perkara-perkara yang boleh diistinbatkan daripadanya. Kemudian mengkaji apakah yang membuat lalat tersebut mempunyai ubat, adakah ia berkaitan pula dengan bakteria penyebab kolera dan kemudiannya meletakkan rumusan mereka.

Dalam hal ini, terpulang kepada Ahmad untuk memilih antara dua, mencelupkan lalat tersebut ataupun membuang sisa air itu. Mencelup kerana kesepakatan antara natijah akal dan naqal. Bermakna, memang natijah akal selari dengan natijah naqal, iaitu lalat memang membawa ubat. Ini dinamakan kaedah *jama'*.

Atau membuang air yang tersisa kerana melihat kepada kaedah naqal yang lain, iaitu menolak kemudarat yang boleh terjadi. Pada ketika ini, beliau mengambil jalan *tawaqquf*. Jalan yang tidak mendahului mana-mana natijah akal atau naqal



dalam permasalahan tersebut. Bahkan beliau mengambil langkah berhati-hati.<sup>21</sup>

## Rumusan

Kepentingan akal dalam memahami beberapa isu keagamaan amat penting. Namun ia tidak terlepas daripada kesalahfahaman.

Akal yang benar akan selari dengan naqal yang benar. Pertembungan akan hanya berlaku jika terdapat kecacatan pada salah satu antara akal ataupun naqal. Namun jika kedua-duanya berada pada tahap



Justeru itu, ulama kita telah banyak mengarang kaedah penggunaan akal dalam memahami tek-teks agama. Antara hasilnya yang dapat kita lihat adalah terlahirnya ilmu *Usul Al-Fiqh*, *Mustalah Al-Hadith*, konsep *Al-'Am* dan *Al-Khas*, *Al-Mutlaq* dan *Al-Muqayyad* dsb. Ia adalah satu usaha untuk melahirkan keharmonian antara akal dan naqal.

<sup>1</sup>Contoh yang diberikan ini hanya bertujuan untuk mendekatkan topik perbincangan kepada pemikiran pembaca. Adapun perbincangan ilmiah mengenai perkara ini boleh dirujuk pada salah satu artikel dalam kitab kumpulan fatwa-fatwa kontemporari ditarung oleh Sheikh Yusuf Al-Qardhawi dan disokong oleh penulisan Dr. Amin Redha, seorang profesor perubatan di Universiti Alexandria, Mesir. Lihat, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019), "Lalat Dalam Al-Quran Dan Al-Hadith: Amthal, Kajian Saintifik Dan Jawapan Terhadap Salah Faham", *Bayan Linnas*, no. 165, 6 Februari, di <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3083-bayan-linnas-siri-ke-165-lalat-dalam-al-quran-dan-al-hadith-amthal-kajian-saintifik-dan-jawapan-terhadap-salah-faham>

<sup>2</sup> Abd 'Al-Rahman Habnakah Al-Maidani (1999), *Al-Akhlaq Al-Islamiyyah Wa Ususuhah*, Beirut: Dar Al-Qalam, ms. 329

<sup>3</sup>Lihat Al-Bayjuri (t.t.), *Tuhfat Al-Murid Syarh Jauharat Al-Tauhid*, T.t.p: Maktabah Al-Iman, ms. 242-244

<sup>4</sup>Jalal Al-Din Sa'id (2004), *Mu'jam Al-Mustalahat Wa Al-Syawahid Al-Falsafiyah*, Tunis: Dar Al-Janub, ms. 290, [https://archive.org/details/khatabaya2007\\_yahoo\\_20171\\_124\\_1528/page/n1](https://archive.org/details/khatabaya2007_yahoo_20171_124_1528/page/n1)

<sup>5</sup>Ibn Rushd (1968), *Fasl Al-Maqal Fi Ma Bayn Al-Hikmah Wa Al-Syari'ah Min Al-Ittisal*, Beirut: Dar Al-Masyriq, ms. 29 & 52

<sup>6</sup>ia adalah satu disiplin ilmu yang menetapkan akidah Islam dengan hujah-hujah logik ataupun hujah-hujah Syariah dan menjaganya. Lihat Al-Iji (1998), *Syarh Al-Mawaqif*, Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Ilmiyah.

<sup>7</sup>Sa'ad Al-Din Al-Taftazani (1988), *Syarh Al-'Aqidah Al-Nasafiyyah*, Qahirah: Maktabah Al-Kuliyyat Al-Azhariyah, ms. 19-22.

<sup>8</sup>Al-Jurjani (t.t.), *Al-Ta'rifat*, Qahirah: Dar Al-Fadhilah, ms. 49.

<sup>9</sup>Al-Jurjani (t.t.), *Al-Ta'rifat*, ms. 57.

<sup>10</sup>Al-Maidani (1999), *Al-Akhlaq Al-Islamiyyah Wa Ususuhah*, ms. 323.

<sup>11</sup>Al-Jurjani (t.t.), *Al-Ta'rifat*, ms. 141

<sup>12</sup>Al-Maidani (1999), *Al-Akhlaq Al-Islamiyyah Wa Ususuhah*, ms. 329'

<sup>13</sup>Lihat Muhammad Rabi' Al-Jauhari (2006), *Dhawabit Al-Fikr*, Misr: Maktabat Al-Insan.

<sup>14</sup>Kebanyakannya definisi yang dipegang oleh ulama kita berasal daripada pandangan Al-Muhasibi terhadap Akal. Boleh lihat di Al-Muhasibi (1971), *Al-'Aql Wa Fahm Al-Quran*, T.t.p.: Dar Al-Fikr.

<sup>15</sup>Muhammad Aman Al-Jami (1404H), *Al-'Aql Wa Al-Naqil 'Inda Ibn Rushd*, Madinah: Al-Jami'ah Al-Islamiyah, ms. 13

<sup>16</sup>Al-Jurjani (t.t.), *Al-Ta'rifat*, ms. 79

<sup>17</sup>Abu Jamil Al-Hasan Al-A'lam (1433H), *Manhaj Qiraah Al-Turath Al-Islami*, Qahirah: Dar Al-Kalimah, ms. 148

<sup>18</sup>Al-Razi (2001), *Asas Al-Taqdis*, Qahirah: Maktabah Al-Kuliyyat Al-Azhariyah, ms. 107.

<sup>19</sup>Ali bin 'Abd Al-Kafi Al-Subki (t.t.), *Al-Sayf Al-Soqil*, Qahirah: Maktabah Azhariyah Li Al-Turath, ms. 23,

<sup>20</sup>Seperti yang dilakukan Ibn Hajar dalam menjelaskan keadaan pintu kaum Tsamud yang bercanggahan dengan hadis Nabi s.a.w bahawa Allah mencipta Adam 60 hasta seperti yang diriwayatkan dalam hadis Al-Bukhari.

<sup>21</sup>Ibn Qayyim Al-Jauziyah, *Al-Tib Al-Nabawi*, Dar Al-Fikr, ms. 35. Kisah Saidina Umar dengan wabak. Seperti hadis, "La 'adwa wa la tayrah." Lihat *Sahih Al-Bukhari*, hadis no. 5316.